

## Pengarah syarikat nafi songlap dana MITRA RM5.18 juta



**RAGU** (kiri) didakwa atas pertuduhan pecah amanah RM5.18 juta di Mahkamah Sesyen Ipoh semalam.

Oleh **ASLIZA MUSA**

**IPOH** – Seorang pengarah syarikat bergelar datuk dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas enam pertuduhan pecah amanah membabitkan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) berjumlah RM5.18 juta, tahun lalu.

Tertuduh, L. Ragu Raman, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim M. Bakri Abd. Majid.

Mengikut pertuduhan, tertuduh selaku pengarah syari-

kat Ternakan Kamran Sdn. Bhd. didakwa melakukan pecah amanah jenayah berkaitan dana MITRA membabitkan wang masing-masing berjumlah RM3,562,725.86, RM300,000, RM500,000, RM300,000, RM400,000 dan RM120,000.

Bapa kepada seorang anak lelaki berusia 15 tahun itu didakwa melakukan perbuatan tersebut di CIMB Bank Cawangan Teluk Intan pada 19 Januari dan 18 Ogos 2021.

Dia didakwa melakukan kesalahan tersebut mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebatan

serta denda.

Timbalan Pendakwa Raya, Afiqah Izzati Mazlan menawarkan jaminan RM100,000 bagi semua pertuduhan, namun peguam S. Preakash yang mewakili tertuduh memohon jumlah tersebut dikurangkan kepada RM20,000.

M. Bakri kemudian menetapkan jaminan berjumlah RM50,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan di mana passport lelaki terbabit diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah juga menetapkan 21 April ini untuk sebutan semula kes. Tertuduh membayar jaminan berkenaan.